




# e-Buletin

Majlis Optik Malaysia

*Edisi Kedua*



# Perutusan

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia



Assalamualaikum dan salam sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, Majlis Optik Malaysia (MOC) telah diberi kesempatan untuk menerbitkan e-Buletin MOC Edisi Kedua dalam tahun 2022 ini.

Sebagai Pengarah Bahagian Amalan Perubatan, saya amat berbesar hati di atas kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh kakitangan MOC dalam menghasilkan dan menerbitkan e-Buletin ini.

Dengan adanya e-Buletin MOC ini, saya amat berharap penyampaian perkhidmatan MOC kepada pengamal optometri dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan e-Buletin MOC Edisi Kedua ini. Semoga semua maklumat yang hendak disampaikan berjaya dimanfaatkan sebaiknya oleh semua pihak.

**DR. MOHD AZMAN BIN YACOB** P.S.K

No. MMC : 36445, NSR : 134815

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

# Sekapur Sireh



Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, Majlis Optik Malaysia (MOC) telah sekali lagi berjaya menerbitkan e-Buletin MOC Edisi Kedua. Hasil usaha keras dan kesungguhan dari kakitangan MOC, maka terhasillah e-Buletin ini yang boleh dijadikan sebagai salah satu sumber penyampaian maklumat kepada pengamal optometri khususnya dan orang awam amnya.

MOC sentiasa komited memainkan peranan sebagai peneraju kepada profesion optometri di Malaysia. Perkembangan terkini MOC yang diperolehi dari e-Buletin ini dapat membantu menerangkan hala tuju MOC dan menyampaikan maklumat yang berguna kepada pengamal optometri dan masyarakat Malaysia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menambahbaikkan kerjasama untuk menerbitkan e-Buletin MOC Edisi Kedua.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nor Azidah Binti Ismail'.

**PN. NOR AZIDAH BINTI ISMAIL**

Setiausaha  
Majlis Optik Malaysia

# Dari Meja Pengarang

Tahun 2021 kita masih berusaha menangani penularan wabak pandemik COVID-19. Natijah kepada penularan wabak ini, ramai yang telah dijangkiti dan banyak nyawa telah terkorban. Oleh kerana itu, sebahagian dari norma kehidupan kita telah berubah. Kita hendaklah sentiasa mengamalkan Amalan 3W (Wash, Wear, Warm) dan elakkan 3C (Cofined Space, Crowed Place, Close Covensation) bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 semakin berleluasa.

Walaubagaimanapun, sepanjang Perintah Kawalan Keselamatan (PKP) Majlis Optik Malaysia beroperasi secara Work From Home secara bergilir-gilir bagi memastikan maklumat terkini dapat disampaikan kepada masyarakat.

Akhir kata, semoga dengan penerbitan e-Buletin 2021 kali ini dapat merapatkan lagi ukhwah Majlis Optik Malaysia bersama juruoptik dan optometris serta masyarakat di Malaysia. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan e-Buletin edisi kedua 2021.



#KitaJagaKita  
#StaySafe



Pn. Nor Azizah Binti Ismail  
Setiausaha Majlis Optik Malaysia (U54)



Pn. Sulastrey Binti Mohamed  
Ketua Penolong Setiausaha (U48)



Pn. Juhaida Binti Zahri  
Pen. Setiausaha Kanan (U44)



Pn. Nurul Amirah Binti Mahmud Zuhudi  
Pen. Setiausaha Kanan (U44)



Pn. Najihah Binti Muhamad Sharif  
Pen. Setiausaha Kanan (U44)



Pn. Noorfadzilah Binti Harun  
Pembantu Tadbir (N22)



Pn. Norlela Binti Mohd Kasan  
Pembantu Tadbir (W22)



Pn. Julierozaida Binti Jamaludin  
Pembantu Tadbir (N22)



Pn. Zaleha Binti Muhd  
Pembantu Tadbir (N19)



Pn. Nurhamizah Binti Sobri  
Pembantu Tadbir (N19)



En. Adam Haris Bin Joniu  
Pembantu Tadbir (N19)

## Penasihat

Pn. Nor Azizah Binti Ismail

## Ketua Editor

Pn. Najihah Binti Muhamad Sharif

## Editor

Pn. Siti Nazirah Binti Abd Rahim



En. Sakeri Bin Yaacob  
Pembantu Tadbir Tinggi (N26)



En. Datu Jusrizan Bin Dato Nasir  
Pembantu Tadbir (N19)  
MySTEP



En. Mohamad Shamel Bin Salim  
Pembantu Tadbir (N19)  
MySTEP



En. Alif Hafizi Bin Ahmad Rasidi  
Pembantu Tadbir (N19)  
MySTEP

## Diterbitkan oleh:

Malaysia Optik Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 2, Blok E1, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.



Pn. Suryani Binti Md. Sujairi  
Pembantu Tadbir (N19)  
MySTEP



Pn. Siti Nazirah Binti Abd Rahim  
Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (F29)  
MySTEP

# SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengiktirafan Program Optometri / Opticianri dan penilaian APEL (C) bagi juruoptik berdaftar. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan (JTC) MOC telah diadakan sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020 & 2021.



## PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA & AKREDITASI PENUH

Beberapa Penilaian Pemantauan Akreditasi Penuh dan Sementara telah dijalankan secara bersemuka dan virtual (MQAVA) untuk memastikan kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan program yang ditawarkan telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh.

Sektor ini juga telah berkerjasama dengan pihak MQA dan beberapa Panel Penilai dalam membangunkan Garis Panduan Kelulusan Akreditasi Program Optometris / Opticianri 2.0 berdasarkan COPPA 2.0 & MQF 2.0



# SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN

## PENILAIAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERENTIAL LEARNING (APEL) (C)

MOC juga telah mendapat kelulusan daripada pihak MQA sebagai pusat bagi pelaksanaan “Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award” kepada juruoptik berdaftar untuk kemasukan ke Program Optometri (Accelerated).

Kelulusan ini berkuat kuasa dari 1 Jun 2021 sehingga 31 Mei 2026. Pelaksanaan Penilaian APEL (C) dimulakan dengan taklimat Pra-Penilaian APEL (C) kepada 22 orang calon pada 5 Oktober 2021.



## GARIS PANDUAN & STANDARD

Beberapa garis panduan telah dibangunkan seperti berikut:

- i. Guidelines on Approval of Accreditation of Optometry and Opticianry
- ii. Programme Standard for Accreditation of the Optometry (Accelerated) programme
- iii. Guideline for Bridging Programme
- iv. Garis Panduan Permohonan APEL (C) Majlis Optik Malaysia


# SEKTOR PENDAFTARAN

Jawatankuasa Penilaian MOC (JKP) bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan.

Sebanyak empat (4) kali mesyuarat diadakan yang melibatkan penilaian permohonan pendaftaran baru pengamal optometri.

Rajah 1 menunjukkan jumlah pengamal optometri berdaftar sehingga 31.12.2021.



Rajah 2 menunjukkan jumlah permohonan APC mengikut tahun (2017-2021).



## PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT (PQA)

JKP juga mengendalikan permohonan Professional Qualifying Assessment (PQA) bagi juruoptik dan optometris bagi mendaftarkan graduan bidang optometri/opticianri yang tidak tersenarai dalam Jadual 1 & 2 Akta Optik 1991.

PQA bagi juruoptik akan dijalankan oleh Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia (PAOM) manakala PQA bagi optometris akan dijalankan oleh Association of Malaysian Optometrists (AMO).



# SEKTOR PENDAFTARAN

## HARI BERSAMA PELANGGAN

Hari Bersama Pelanggan diadakan satu (1) kali pada setiap bulan. Pada hari tersebut, juruoptik dan optometris berdaftar boleh membuat permohonan APC dan memperolah APC pada hari yang sama.



## GARIS PANDUAN & STANDARD

Beberapa garis panduan telah dibangunkan seperti berikut:

- i. Garis panduan Bagi Permohonan Pendaftaran Juruoptik Dan Optometris Di Bawah Seksyen 18 Dan 19 Akta Optik 1991
- ii. Garis panduan bagi Permohonan Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)
- iii. Buku Panduan Penilaian Kelayakan Professional (PQA) Optometris
- iv. Buku Panduan Latihan Sangkutan Klinikal
- v. Buku Panduan Penilaian Kelayakan Professional (PQA) Juruoptik

# SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab ke atas penggubalan Rang Undang-Undang Optometri, pindaan Jadual & Peraturan-Peraturan Optik 1994 dan pelaksanaan Audit Surveilans Optik.

## MESYUARAT BERSAMA STAKEHOLDER

Mesyuarat Bersama Stakeholder telah diadakan pada tahun 2020 dan 2021 untuk berkongsi maklumat terkini bidang optometri ke arah peningkatan perkhidmatan optometri sebagai *healthcare provider* di Malaysia.




# SEKTOR ETIKA DAN AKTA

## RANG UNDANG-UNDANG OPTIK


Satu tinjauan atas talian berkenaan Rang Undang-Undang Optik telah dijalankan pada bulan Julai 2020 dan terbuka kepada semua pengamal optometri berdaftar di Malaysia. Tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan berhubung beberapa isu yang berkaitan dengan Rang Undang-Undang Optik.

Maklumat pengamal optometri yang terlibat adalah seperti berikut :-

Rajah 3



Rajah 4



## AUDIT SURVEILANS OPTIK

Audit Surveilans Optik dijalankan ke atas pengamal optometri yang bertugas di premis-premis optikal di Malaysia. Audit ini dijalankan untuk menilai tahap pematuhan pengamal Optometri terhadap Akta Optik 1991, Peraturan-Peraturan Optik 1994 dan Kod Tataamalan Juruoptik dan Optometris yang telah ditetapkan. Pada tahun 2020, audit telah dijalankan di Putrajaya.



# SEKTOR ETIKA DAN AKTA

## GARIS PANDUAN & STANDARD


Beberapa garis panduan telah dibangunkan seperti berikut:

- Garis Panduan Untuk Membuat Aduan Kepada Majlis Optik Malaysia
- Garis Panduan Penjualan Alat Optik dan Kanta Lepak Secara Dalam Talian
- Garis Panduan Perkhidmatan Optometri Mudah Alih
- Garis Panduan Perkhidmatan Komuniti Optometri (Anjuran Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pengamal Optometri Swasta)


## ADUAN

Majlis Optik Malaysia menerima pelbagai jenis aduan dari orang awam, optometris dan juruoptik berdaftar berkenaan pengamal optometri dan premis optikal. Aduan yang diterima sama ada melalui surat, email atau panggilan telefon akan dikendalikan mengikut prosedur pengendalian aduan.

Statistik aduan adalah seperti berikut :-



Rajah 5 : Statistik Aduan Mengikut Negeri



Rajah 6 : Statistik Aduan Mengikut Kategori

**SALURKAN  
MAKLUMAT  
ATAU  
ADUAN  
ANDA**



PASTIKAN MAKLUMAT YANG DIBERIKAN  
LENGKAP UNTUK MEMBANTU PIHAK KAMI MENJALANKAN SIASATAN LANJUT

**(1)**

**Maklumkan Nama Premis & Lokasi Premis**

Mohon Pemeriksa Terbahit Mempamerkan APC Tahun Semasa

**Kenalpasti Nama Pemeriksa Yang Menjalankan Ujian**

Catat tarikh dan Masa kejadian

**(2)** SALURKAN MAKLUMAT TERSEBUT MELALUI E-MAIL KE [eaduan.moc@moh.gov.my](mailto:eaduan.moc@moh.gov.my)

**(3)** Terima Respon Dan Nombor Aduan Daripada Pihak MOC



# SEKTOR ETIKA DAN AKTA

## INDIVIDU / PREMIS

MAJLIS OPTIK MALAYSIA  
[eaduan.moc@moh.gov.my](mailto:eaduan.moc@moh.gov.my)

KPDNHEP  
<https://eaduan.kpdnkk.gov.my>

TRIBUNAL PENGGUNA  
(TPM)  
<https://tprm.kpdnkk.gov.my>

CAWANGAN KAWALAN  
AMALAN PERUBATAN SWASTA  
(CKAPS)  
[moh.spab.gov.my](http://moh.spab.gov.my) : (SisPAA) KKM

## PRODUK / UBAT / RAWATAN MATA (TIADA PENGIKTIRAFAN KKM)

PIHAK BERKUASA PERANTI  
PERUBATAN MALAYSIA  
<https://femes.mda.gov.my>

PENGUATKUASAAN FARMASI  
[moh.spab.gov.my](http://moh.spab.gov.my) : (SisPAA) KKM

## PRODUK / UBAT / RAWATAN MATA SECARA MAYA (TIADA PENGIKTIRAFAN KKM)

PIHAK BERKUASA  
PERANTI PERUBATAN MALAYSIA

PENGUATKUASAAN FARMASI

ADUAN KE ADMIN  
FACEBOOK / INSTAGRAM

E - MARKETING  
(ADUAN KE ADMIN SHOPEE / LAZADA ETC)

SIAPA DAN DI MANA ANDA PERLU  
MERUJUK PERKARA INI?



# SEKTOR KOMPETENSI

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengendalian permohonan peperiksaan kanta lekap bagi juruoptik berdaftar dan pengurusan *Continuing Professional Development* (CPD) pengamal optometri berdaftar.


## PEPERIKSAAN KANTA LEKAP BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR

Satu peperiksaan kanta lekap (teori) bagi juruoptik berdaftar di bawah seksyen 30(5) Akta Optik 1991 telah dijalankan pada 12 Oktober 2020 di L4.8, 4<sup>th</sup> Floor, Left Wing, Universiti SEGi, Kota Damansara. Seramai 21 orang juruoptik berdaftar telah menduduki peperiksaan tersebut.

## CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

*Continuing Professional Development* (CPD) merupakan satu program yang menyumbangkan kepada pertambahan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang boleh meningkatkan profesionalisme pegawai di dalam bidang masing-masing.

Rajah 7



Rajah 8



# SEKTOR KOMPETENSI

## GARIS PANDUAN & STANDARD

Beberapa garis panduan telah dibangunkan seperti berikut:

- i. Buku Panduan CPD
- ii. Garis Panduan Permohonan Penganjuran Program CPD dalam Sistem myCPD<sup>2</sup>
- iii. Guideline for Optometry Practitioners: How to Register and Make Claim in myCPD<sup>2</sup> System
- iv. CPD Credit Point System for Optometrist / Optician

## SISTEM PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN APC ATAS TALIAN



Bermula tahun 2020, Majlis Optik Malaysia bersama Bahagian Pengurusan Maklumat KKM membangunkan sistem permohonan pendaftaran dan apc secara atas talian yang dikenali sebagai Sistem Pengamal Kesihatan Malaysia (Malaysian Healthcare Practitioners' System).

Sistem ini akan melibatkan profesion-profesion di bawah 4 Majlis iaitu Majlis Optik Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia. Sistem ini dijangka mula beroperasi pada tahun 2023 dan berperanan memudahkan pengamal dan badan regulatori dalam memproses permohonan pendaftaran, permohonan APC, permohonan TPC dan permohonan dokumen secara atas talian.



**MHPS**  
MALAYSIAN HEALTHCARE PRACTITIONERS' SYSTEM

# SEKTOR KOMPETENSI



SPKM dibangunkan secara untuk menyokong proses permohonan dan kelulusan pendaftaran, pembaharuan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) bagi profession pengamal kesihatan dan beberapa permohonan lain yang berkaitan.

4

MAJLIS/  
LEMBAGA

27

PROFESSION

40,000+

PENGAMAL



Majlis Optik Malaysia  
(MOC)



Majlis Pergigian Malaysia  
(MDC)



Majlis Profesion Kesihatan  
Bersekutu Malaysia  
(MAHPC)



Lembaga Juruterapi Pergigian  
Malaysia (LJPM)



**Aktiviti Sekretariat  
Sepanjang  
Tahun 2020 & 2021**



# Bengkel Kuasa Berfikir Positif

Bengkel Kuasa Berfikir Positif diadakan pada 26 Oktober 2021 dan dihadiri oleh sekretariat Majlis Optik Malaysia bagi menambah pengetahuan berkenaan pengurusan emosi dan peningkatan tahap kualiti kerja.



# Majlis Bacaan Yasin

Majlis Bacaan Yasin diadakan pada setiap hari Jumaat minggu pertama setiap bulan



# Sambutan Hari Lahir

Sambutan Hari Lahir diadakan pada setiap tarikh lahir sekretariat





Search here...

**SALURKAN  
MAKLUMAT  
ATAU ADUAN  
ANDA**



**Pastikan Maklumat Yang Diberikan  
Lengkap Untuk Membantu Pihak Kami Menjalankan Siasatan Lanjut**

**(1)**



Maklumkan Nama Premis & Lokasi Premis



Kenalpasti Nama Pemeriksa Yang Menjalankan Ujian



Mohon Pemeriksa Terbabit Mempamerkan APC Tahun Semasa



Catat tarikh dan Masa kejadian

**(2)**

Salurkan Maklumat Tersebut Melalui E-mail ke



[eaduan.moc@moh.gov.my](mailto:eaduan.moc@moh.gov.my)

**\*\* BERSERTA NAMA & NO TELEFON PENGADU**

**(3)**

Terima respon dan Nombor Aduan daripada pihak MOC



- APC Online Application
- Latest News
- CPD
- List of Recognized Qualifications
- Feedback
- Download Forms



NUMBER OF VISITORS : 88143

Copyright © 2022 | MH Elegance lite by MH Themes



Sebarang Info Lanjut, Sila Layari : [moc.moh.gov.my](http://moc.moh.gov.my)  
FB Page : Majlis Optik Malaysia BAP